

# **TERAJU BERI PERINGATAN MENGENAI MAKLUMAT PALSU TAWAR BANTUAN KEWANGAN.**

TERAJU hari ini memberi amaran kepada orang ramai mengenai mesej palsu dan penipuan yang disebarluaskan melalui media sosial, sistem pesanan ringkas (SMS), aplikasi WhatsApp, pertemuan secara bersemuka atau menerusi surat palsu.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan hari ini, pihak TERAJU telah mengenal pasti penipuan yang bertujuan menarik orang awam memohon geran kerajaan melalui ejen yang turut mengenakan komisen dan menggunakan jenama TERAJU dalam komunikasi mereka.

Pihak TERAJU mendapati bahawa terdapat sindiket atau ejen-ejen yang secara berleluasa telah mempromosi perkhidmatan yang meragukan ini, menawarkan bantuan kepada masyarakat umum yang ingin mendapatkan geran atau bantuan kewangan daripada pihak kerajaan.

TERAJU ingin menegaskan bahawa ia tidak pernah melantik mana-mana pihak ketiga untuk bertindak dalam memudahcara permohonan seumpama ini.

TERAJU menggesa orang ramai supaya lebih berhati-hati dan tidak terpedaya apabila menerima sebarang mesej atau maklumat yang berkaitan dengan penipuan ini, serta mengelakkan diri dari berurusan dengan pengantar maklumat atau individu yang terlibat dalam sebarang aktiviti tersebut.

Sementara itu, TERAJU tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang tuntutan berkaitan perkhidmatan permohonan palsu ini dan tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap individu atau kumpulan yang menganjurkan penipuan menggunakan jenama TERAJU.

Orang awam dinasihatkan untuk merujuk saluran media sosial rasmi TERAJU di Facebook, Instagram dan Twitter di [@terajuofficial](#) dan [@terajuofficialpage](#) dan laman web rasmi [www.teraju.gov.my](http://www.teraju.gov.my) bagi merujuk sebarang maklumat mengenai berita atau program-program TERAJU.

Orang awam juga digesa untuk menghubungi pihak TERAJU jika mempunyai sebarang maklumat atau melaporkan terus perkara ini kepada kami di **03-78398000** atau email ke [info@teraju.gov.my](mailto:info@teraju.gov.my) atau ke <https://www.facebook.com/terajuofficialpage> .